

# **Kertas Bil. 42/2021**



---

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI  
PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT)  
BERHUBUNG ISU PENGUATKUASAAN KILANG  
TANPA KEBENARAN (KTK) SELEPAS PENAMATAN  
PROGRAM PEMATUHAN SYARAT DAN  
PENGUATKUASAAN KILANG TANPA KEBENARAN  
(PPSPKTK) DI NEGERI SELANGOR BAGI DEWAN  
NEGERI SELANGOR KEEMPAT BELAS  
TAHUN 2021**

---

## KANDUNGAN

BIL	PERKARA	HALAMAN
1	Pendahuluan	1
2	Latar Belakang	2
3	Pendengaran Tertutup	2
4	Penemuan Jawatankuasa	5
5	Saranan	6
6	Perakuan	8
	Ahli-Ahli Jawatankuasa	9
	Urus setia	9
	Lampiran 1 (Senarai Agensi)	
	Lampiran 2 (Dasar dan SOP TNB)	
	Lampiran 3 (Draf Garis Panduan Tindakan Penguatkuasaan KTK Di Negeri Selangor)	

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) BERHUBUNG ISU PENGUATKUASAAN KILANG TANPA KEBENARAN (KTK) SELEPAS PENAMATAN PROGRAM PEMATUHAN SYARAT DAN PENGUATKUASAAN KILANG TANPA KEBENARAN (PPSPKTK) DI NEGERI SELANGOR BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

**1. PENDAHULUAN**

Selaras dengan Peraturan 68B Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor 1965 berkenaan Jawatankuasa Pilihan Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT) dan menurut Peraturan Tetap 76 (1) – (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Kedua (Bajet), Penggal Keempat, Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Keempat Belas Tahun 2021 pada 26 November 2021 hingga 9 Disember 2021.

Ahli-ahli Jawatankuasa JP-PBT bagi tahun 2021 terdiri daripada:

- |    |   |           |
|----|---|-----------|
| 1. | Y.B. Tuan Azmizam bin Zaman Huri<br>(ADN Kawasan Pelabuhan Klang) | Pengerusi |
| 2. | Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi<br>(ADN Kawasan Sementa)         | Ahli      |
| 2. | Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah<br>(ADN Kawasan Seri Kembangan)       | Ahli      |
| 3. | Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze<br>(ADN Kawasan Subang Jaya)        | Ahli      |
| 4. | Y.B. Tuan Halimey bin Abu Bakar<br>(ADN Kawasan Seri Setia)       | Ahli      |
| 5. | Y.B. Tuan Shatiri bin Mansor<br>(ADN Kawasan Kota Damansara)      | Ahli      |
| 6. | Y.B. Tuan Zakaria bin Hanafi<br>(ADN Kawasan Semenyih)            | Ahli      |

Senarai agensi yang terlibat di dalam penyata ini adalah seperti di **Lampiran 1**.

## **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 JP-PBT telah mula meneliti isu permasalahan Kilang Tanpa Kebenaran sejak tahun 2019. Pada mesyuarat Jawatankuasa Bil.5/2019 bertarikh 13 Jun 2019, Jawatankuasa telah mengadakan pendengaran tertutup bersama Tenaga Nasional Berhad (TNB) Cawangan Selangor bagi meneliti Dasar dan SOP Pemotongan Bekalan Elektrik Bagi Kilang Dan Premis yang Beroperasi Tanpa Izin/Menyebabkan Pencemaran Alam. Hasil pembentangan oleh pihak TNB boleh dirujuk pada **Lampiran 2**.
- 2.2 JP-PBT telah mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Bil.7/2020 bertarikh 3 Disember 2020 mengenai isu kilang tanpa kebenaran dan bagi meneliti status Program Pematuhan Syarat dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran yang berakhir pada hujung bulan Disember 2020.
- 2.3 Hasil daripada mesyuarat Jawatankuasa Bil.7/2020, Jawatankuasa telah bersetuju untuk mengadakan satu pendengaran tertutup mesyuarat Jawatankuasa Bil.8/2020 pada 17 Disember 2020 dengan menjemput wakil dari pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri, Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan (SPBT) dan Pejabat Tanah Dan Galian Selangor (PTGS).
- 2.4 Tujuan pendengaran tertutup pada 17 Disember 2020 tersebut adalah untuk mendapatkan maklumat mengenai perancangan,kekangan dan status terkini penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran (KTK) yang akan dilaksanakan selepas penamatan Program Pematuhan Syarat dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran (PPSPKTK).

## **3. PENDENGARAN TERTUTUP**

Jawatankuasa telah membincangkan isu penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran (KTK) yang akan dilaksanakan selepas penamatan Program Pematuhan Syarat dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran (PPSPKTK) pada 31 Disember 2020 bersama wakil dari pihak SPBT dan PTGS seperti berikut:

### **Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan (SPBT)**

1. Jawatankuasa mengambil maklum definisi KTK iaitu:-

- i) Kilang yang dibina di atas tanah hakmilik yang kategori pertanian (syarat tanah);
  - ii) Syarat nyata tanah industri tetapi di dalam zoning kediaman dan tiada kelulusan kebenaran merancang (KM), pelan bangunan (PB) dan *Certificate of Completion and Compliance* (CCC); dan
  - iii) Semua bangunan kilang yang tidak mempunyai kelulusan KM, PB, dan CCC walaupun telah diberi tukar syarat tanah.
2. Pihak SPBT telah mengemuka dan menerangkan cadangan SOP penguatkuasaan KTK selepas berakhirnya PPSPKTK yang dibahagikan kepada dua (2) kategori penguatkuasaan mengikut peruntukan undang-undang sedia ada yang akan dilaksanakan:
- a) Penguatkuasaan KTK Dalam Zon Industri

Pengusaha kilang yang membuat permohonan KM selepas mendapat notis (Borang F) akan dipertimbangkan KM mengikut syarat teknikal minima dan kadar lesen perniagaan sebanyak 3x ganda.
  - b) Penguatkuasaan KTK Luar Zon Industri

Bagi KTK di luar zon, penguatkuasaan adalah tertakluk kepada potensi dijadikan zon industri. Bagi KTK yang terletak di luar zon yang berpotensi dijadikan zon industri akan diberi pertimbangan KM terhad maksimum 3 tahun sebelum berpindah atau menghentikan operasi dan kadar lesen Perniagaan sebanyak 5x ganda.
3. SPBT turut memaklumkan langkah awal yang telah dilakukan oleh pihak PBT adalah dengan mengeluarkan notis peringatan kepada pengusaha kilang untuk mereka membuat permohonan menyertai PPSPKTK.
4. Jawatankuasa mengambil maklum kekangan/cabarannya yang dihadapi oleh pihak PBT iaitu;
- i) Permasalahan timbul apabila kilang tersebut berada di bawah pemilikan tanah persendirian. Terdapat sebuah kilang yang disabitkan dengan kesalahan pencemaran air telah

mengemukakan saman terhadap Kerajaan Negeri dengan menggunakan keistimewaannya disenaraikan di dalam PPSPKTK.

- ii) Tiada peruntukan undang-undang yang membenarkan Kerajaan Negeri untuk merobohkan kilang-kilang yang didapati melakukan pencemaran air.
- iii) PBT juga memerlukan masa untuk membuat penghantaran notis memandangkan jumlah KTK yang banyak di dalam kawasan majlis.

#### **Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS)**

1. Pihak PTGS telah menerangkan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran yang telah dilaksanakan pada tahun 2006 sehingga 2015 yang melibatkan 2,885 KTK dan 2,638 lot. Jumlah kilang yang berjaya diputihkan adalah 630 kilang (21.8%) dalam tempoh 10 tahun tersebut.
2. Kemudian pada tahun 2019, Kerajaan negeri telah mengadakan PPSPKTK yang berlangsung selama satu tahun di mana pelaksanaannya disertai pemberian insentif premium kepada pemohon namun ianya dilanjutkan sehingga akhir tahun 2020 kerana pandemik Covid-19.
3. Jawatankuasa mengambil maklum keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Penyelesaian Kilang Tanpa Kebenaran di Negeri Selangor Bilangan 5/2020 pada 9 Disember 2020 telah memutuskan tindakan penguatkuasaan akan diambil oleh agensi-agensi mengikut peruntukan undang-undang sedia ada.
4. Jawatankuasa juga mengambil maklum status Laporan Prestasi PPSPKTK iaitu jumlah KTK yang telah dibanci adalah sebanyak 5,744 yang melibatkan 4,469 lot tanah dan daripada jumlah kilang tersebut, hanya 183 kilang (3.2%) yang membuat permohonan untuk menyertai PPSPKTK dan yang telah berjaya diputihkan adalah sebanyak 82 KTK (1.4%).
5. Jawatankuasa mengambil maklum kekangan/cabarannya yang dihadapi oleh PTGS/PDT yang berkaitan dengan pemilik kilang/pemilik tanah iaitu;

- i) Pemilik kilang dan pemilik tanah adalah individu yang berbeza
  - ii) Lot tanah dimiliki lebih daripada seorang individu
  - iii) Kos yang tinggi untuk membuat permohonan tukar syarat tanah
6. PTGS memaklumkan terdapat dua cara dalam pemulihan tanah iaitu sama ada pemilik mengembalikan status asal tanah dengan mengubah aktiviti/bangunan di atas tanah atau membuat permohonan tukar syarat tanah dan seandainya pemilik ingkar, proses rampas tanah akan dilaksanakan dan ianya mengambil tempoh selama lebih kurang dua tahun.

#### 4. PENEMUAN JAWATANKUASA

- 4.1 Hasil daripada pendengaran tertutup bersama pihak TNB, Jawatankuasa mendapati bahawa PBT boleh membuat permohonan kepada TNB secara bertulis untuk memotong bekalan elektrik mana-mana kilang/bangunan yang melanggar undang-undang. Namun demikian, Jawatankuasa mendapati kebanyakan PBT kurang pasti dan jarang menggunakan kaedah ini untuk mengawal operasi kilang tanpa kebenaran.
- 4.2 Jawatankuasa berpandangan terdapat keperluan bagi PTGS dan SPBT untuk merangka satu garis panduan seragam yang komprehensif dan jelas mengenai tindakan yang perlu diambil dalam isu menguatkuasakan kilang tanpa kebenaran. Garis panduan ini perlu mengambil kira semua aspek perundangan supaya tiada *loop hole* yang membolehkan Kerajaan Negeri atau jabatan berkaitan disaman oleh pihak kilang/pemilik tanah. Setiap proses kerja di dalam garis panduan tersebut perlu disemak dan disahkan oleh Kamar Penasihat Undang-Undang.
- 4.3 Selaras dengan cadangan Jawatankuasa pada mesyuarat bertarikh 31 Disember 2020, PTGS dan SPBT telah menyediakan draf Garis Panduan Tindakan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran di Negeri Selangor dan telah disemak oleh Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor pada bulan Ogos 2021 yang seterusnya akan dibawa ke mesyuarat MMKN untuk diluluskan (**Lampiran 3**).
- 4.4 Ulasan hasil daripada penelitian Jawatankuasa terhadap draf Garis Panduan Tindakan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran di Negeri Selangor adalah seperti berikut:

- 4.4.1 Jawatankuasa mendapati tiada garis masa kerja yang ditetapkan di dalam garis panduan bagi setiap proses kerja penguatkuasaan yang bakal dilaksanakan.
  - 4.4.2 Tidak dinyatakan mekanisme pemantauan dan kawalan aktiviti penguatkuasaan ini di peringkat daerah.
- 4.5 Jawatankuasa yakin garis panduan ini sentiasa memerlukan semakan dan penelitian yang lebih mendalam dari semasa ke semasa agar ia lebih menggambarkan situasi dan permasalahan terkini bagi isu kilang tanpa kebenaran.
- 4.6 Jawatankuasa berpandangan bahawa bagi kawasan di mana pewujudan bangunan industri adalah lebih daripada rumah kediaman, kaedah rezoning adalah lebih sesuai untuk dilaksanakan. Ini juga dapat menangani masalah bayaran premium tanah yang tinggi.
- 4.7 Jawatankuasa juga mendapati Kerajaan Negeri pada masa ini lebih tertumpu kepada tindakan reaktif iaitu mengambil tindakan selepas sesuatu bangunan/kilang tanpa kebenaran telah didirikan. Kurang usaha diambil bagi memastikan tiada pembinaan kilang haram di peringkat awal.

## 5. SARANAN

- 5.1 Jawatankuasa menggesa Kerajaan Negeri agar draf Garis Panduan Tindakan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran di Negeri Selangor diluluskan segera supaya ianya dapat dijadikan panduan utama dalam melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan dengan berlandaskan segala aspek perundangan sedia ada. Berikut adalah cadangan tambahan Jawatankuasa terhadap penambahbaikan draf SOP tersebut:
  - 5.1.1 Perlu ada penetapan garis masa bagi setiap proses kerja penguatkuasaan di dalam draf Garis Panduan tersebut sebagai panduan dan KPI kepada pegawai untuk memastikan kelancaran pelaksanaan proses kerja dan bagi setiap pelanjutan masa perlulah dikemukakan justifikasinya.

- 5.1.2 Kerajaan Negeri perlu mewujudkan jawatankuasa pemantauan tindakan penguatkuasaan KTK di setiap daerah yang bermesyuarat setiap 2 bulan bagi memastikan gerak kerja penguatkuasaan terhadap setiap kilang tanpa kebenaran berjalan seperti yang dirancang. Bincian KTK perlu dibuat secara berkala oleh jawatankuasa ini.
  - 5.1.3 Jawatankuasa turut menyarankan agar Garis Panduan Tindakan Penguatkuasaan tersebut dibuat penambahbaikan dari semasa ke semasa bergantung kepada situasi dan perkembangan tindakan penguatkuasaan semasa.
  - 5.1.4 Operasi penguatkuasaan perlu ditumpukan dahulu di kawasan-kawasan yang sering mengalami pencemaran alam.
- 5.2 JP-PBT menyarankan agar penguatkuasaan terhadap KTK yang menyebabkan pencemaran dilaksanakan turut mengambilkira pindaan Enakmen Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) yang diluluskan pada 9 November 2020 oleh Dewan Negeri Selangor.
- 5.3 Kerajaan Negeri perlu bertindak proaktif dalam menangani masalah KTK. Dalam hal ini, Jawatankuasa menggesa supaya semua PBT dan PDT berkolaborasi bersama Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) untuk memanfaatkan teknologi satelit bagi membuat bincian KTK serta pemantauan pembinaan bangunan/kilang haram yang baharu seperti mana yang pernah disarankan oleh Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Daerah dan Tanah (JP-PADAT) pada Mesyuarat Pertama (Pembukaan) Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Keempat Belas Tahun 2020. Berikut adalah saranan penyata yang pernah dibentangkan oleh JP-PADAT:


“JP-PADAT juga menyarankan Pejabat Daerah dan Tanah, agensi, jabatan, anak syarikat kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan agar mengadakan perjumpaan dengan pihak MYSA supaya teknologi yang dimiliki oleh MYSA dapat membantu dan meringankan kerja-kerja dalam hal tadbir urus, operasi (terutamanya bantuan bencana dan kecemasan), pemantauan dan penguatkuasaan.”

- 5.4 Jawatankuasa mencadangkan supaya di kawasan-kawasan di mana bangunan industri adalah lebih daripada bangunan kediaman, kaedah rezoning dilaksanakan bagi menangani masalah pewujudan KTK.
- 5.5 Jawatankuasa turut menggesa agar PBT membuat pemakluman secara rasmi kepada pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) sekiranya terdapat mana-mana kilang yang beroperasi tanpa kebenaran menurut Seksyen 25(aa) Akta Bekalan Elektrik 1990 (Pindaan) 2015 agar pihak TNB dapat mengambil tindakan awal dengan mengeluarkan notis penamatkan kontrak dan pemotongan bekalan elektrik terhadap Kilang Tanpa Kebenaran seperitimana yang pernah dibentangkan oleh pihak TNB semasa taklimat Dasar dan SOP Pemotongan Bekalan Elektrik bagi Kilang dan Premis yang Beroperasi Tanpa Izin/Menyebabkan Pencemaran Alam pada 13 Jun 2019.

## 6. PERAKUAN

Penyata ini disediakan oleh Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT). Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh JP-PBT dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bil.1/2021 pada tarikh 24 September 2021.

Disahkan oleh:



**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI**

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan  
(JP-PBT)

## AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT):

1.	Y.B. Tuan Azmizam bin Zaman Huri (ADN Kawasan Pelabuhan Klang)	Pengerusi
2.	Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi (ADN Kawasan Sementa)	Ahli
2.	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (ADN Kawasan Seri Kembangan)	Ahli
3.	Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (ADN Kawasan Subang Jaya)	Ahli
4.	Y.B. Tuan Halimey bin Abu Bakar (ADN Kawasan Seri Setia)	Ahli
5.	Y.B. Tuan Shatiri bin Mansor (ADN Kawasan Kota Damansara)	Ahli
6.	Y.B. Tuan Zakaria bin Hanafi (ADN Kawasan Semenyih)	Ahli

## URUS SETIA

i)	Puan Gayathri a/p Jaya Kumar	Setiausaha Bahagian (Dewan)
ii)	Encik Muhajirih bin Ahmad	Penolong Setiausaha (Dewan)
iii)	Puan Siti Salina binti Muftar	Setiausaha Pejabat (Dewan)
iv)	Cik Siti Khadijah Binti Maarof	Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker
v)	Encik Nik Muhammad Syaamil Bin Nik Ismail	Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker

## LAMPIRAN 1

Senarai agensi yang terlibat adalah seperti berikut:-

### **Wakil dari Tenaga Nasional Berhad (TNB) Cawangan Selangor**

- 1) Y.Bhg. Dato' Ir. Hj. Md. Yuslan Md. Yusof  
*Ketua Perkhidmatan Pelanggan TNB Selangor*
- 2) Tuan Ir. Mohd Azhar Bin Abd Rashid  
*Pengurus (BP-Selangor)*
- 3) Encik Moharizal Bin Mokhtar  
*Pengurus Kanan (Pengurusan Kredit-Retail)*
- 4) Puan Faridah Binti Mohd Fauzi  
*Pengurus Kanan BP (Retail)*

### **Wakil dari Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan (SPBT), UPEN**


- 1) Encik Mohd Reizal Bin Sumairi  
*Ketua Penolong Pengarah  
Sub-Seksyen Kerajaan Tempatan/Kg.Baru/ Kewangan*
- 2) Encik Abdullah Bin Abidin  
*Penolong Pegawai Tadbir  
Sub-Seksyen J/Kuasa Kerajaan Alam Sekitar & Teknologi Hijau*
- 3) Encik Hamzah Bin Tajuddin  
*Penolong Pengarah  
Jabatan Perancangan  
Majlis Bandaraya Shah Alam*
- 4) Puan Nursilawati Binti Abd Rahim  
*Pegawai Perancang Bandar Dan Desa  
Majlis Perbandaran Kajang*

**Wakil dari Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS)**

- 1) Encik Mohd Azrul Bin Hashim  
*Ketua Penolong Pengarah Penguatkuasaan*
- 2) Encik Syahrizal Bin Zainal Abidin  
*Penolong Pegawai Tanah Kanan*

**LAMPIRAN 2**

6/12/2019





## KEWAJIPAN MEMBERIKAN BEKALAN ELEKTRIK

Seksyen 24(1) :

“...pemegang lesen (TNB) hendaklah apabila dikehendaki berbuat demikian oleh pemunya atau penduduk mana-mana premis memberi bekalan elektrik kepada premis-premis itu”.

- TNB hendaklah membekalkan elektrik kepada **sesiapa yang memohon (pemunya/penduduk)** mengikut ABE 1990.
- Tiada peruntukan di dalam ABE 1990 yang memberi kuasa kepada TNB untuk memutuskan isu sama ada pemohon/pihak itu penduduk sah ataupun tidak kerana ia **merupakan bidangkuasa mahkamah**.
- Bekalan elektrik hendaklah diberikan secara berterusan

*Better. Brighter.*



## PENGECUALIAN MEMBERIKAN BEKALAN ELEKTRIK (S. 25 ABE 1990)

- Bekalan telah **diberikan oleh pemegang lesen yang lain**.
- Premis komersil /perindustrian yang dibina **tidak mendapat keizinan pemilik hartanah, kelulusan PBT atau bertentangan dengan undang-undang bertulis**.
- Berlaku **kejadian force majeure**. Contohnya kerosakan infrastruktur bekalan akibat tanah runtuh dll.
- Jika bekalan diberikan, ia akan menyebabkan **perlanggaran ABE 1990**. – ([seksyen 38 \(1A\) ABE dan seksyen 21A Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953](#))
- **Tidak munasabah** untuk memberikan bekalan.

*Better. Brighter.*



## KEWAJIPAN & PENGECUALIAN MEMBERIKAN BEKALAN ELEKTRIK

Pindaan ABE 1990 berkuatkuasa pada 1 Januari 2016

- **Seksyen 24(6)(a)** - Kesalahan jika menghalang pemberian bekalan (denda / penjara)
- **Seksyen 25(aa)** - Keizinan pemilik tanah /kelulusan PBT/bertentangan dengan mana-mana undang bertulis.
- **Seksyen 25(b)** - force majeure

*Better. Brighter.*



## PINDAAN ABE 1990

### Pindaan seksyen 24

16. Seksyen 24 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (5) subseksyen yang berikut:

"(6) Mana-mana orang yang dengan menyalahi undang-undang —

- (a) menghalang, mencegah atau menggalang pembekalan elektrik daripada diberikan oleh pemegang lesen kepada pengguna;
- (b) menghalang, mencegah atau menggalang pembekalan elektrik kepada mana-mana pengguna daripada dipotong oleh pemegang lesen mengikut Akta ini; atau
- (c) menyebabkan pembekalan elektrik kepada mana-mana pengguna dipotong.

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.".

*Better. Brighter.*



## KEWAJIPAN & PENGECUALIAN MEMBERIKAN BEKALAN ELEKTRIK (...sambungan)

### Halangan TNB memberikan bekalan elektrik

- Tidak terpakai ke atas TNB kerana terdapat kewajipan statutori memberikan bekalan di bawah Seksyen 24 ABE 1990
- *Pengecualian : perintah mahkamah*

### Halangan TNB memasuki premis bagi memberikan bekalan elektrik

- Mengikat TNB.
- Sekiranya tidak dipatuhi, TNB boleh didakwa menceroboh premis/tanah yang berkenaan.

*Better. Brighter.*



## TINDAKAN PEMOTONGAN BEKALAN ELEKTRIK UNTUK PREMIS/KILANG HARAM

- 1) Pemotongan atas dasar bahaya – Seksyen 49(2) ABE 1990
- 2) Pemotongan ke atas premis komersil/industri – Seksyen 25(aa) ABE 1990

*Better. Brighter.*



## **TINDAKAN PEMOTONGAN BEKALAN ELEKTRIK UNTUK PREMIS/KILANG HARAM (...sambungan)**

1) Seksyen 49 (2) Tatacara dalam hal kecacatan berbahaya pada pepasangan atau bahagiannya

(2) Tiap-tiap pemegang lesen dan tiap-tiap pihak pengurusan dan orang yang menjaga mana-mana pepasangan apabila menyedari akan apa-apa kecacatan padanya yang mungkin menyebabkan bahaya hendaklah dengan serta-merta membaiki atau menghapuskan kecacatan itu, dan tiap-tiap pengguna apabila menyedari akan apa-apa kecacatan pada apa-apa kelengkapan yang mungkin menyebabkan bahaya hendaklah dengan serta-merta membaiki atau menghapuskan kecacatan itu, atau membuat laporan mengenainya kepada Suruhanjaya.


- Dilaksanakan dalam operasi bersama PBT
- Pemotongan selepas PBT memulakan operasi perobohan
- Pemotongan bekalan dibuat untuk memastikan keselamatan operasi tersebut.

*Better Brighter.*



## **POLISI TNB DALAM MENANGANI ISU PEMOTONGAN BEKALAN ELEKTRIK KE KILANG/PREMIS HARAM**

### **Seksyen 49 (2), ABE 1990**



*Better Brighter.*



## **TINDAKAN PEMOTONGAN BEKALAN ELEKTRIK UNTUK PREMIS/KILANG HARAM (...sambungan)**

2) Pemotongan ke atas premis komersil/industri berdasarkan Seksyen 25(aa)

### **Pindaan seksyen 25**

17. Seksyen 25 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:
- "(aa) premis itu, iaitu suatu premis komersial atau perindustrian—
- (i) terletak di atas tanah tanpa mendapat keizinan pemilik tanah;
  - (ii) tidak diluluskan menurut atau melanggar peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] dan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172]; atau
  - (iii) bertentangan dengan mana-mana undang-undang bertulis yang lain; dan

*Better. Brighter.*



## **TINDAKAN PEMOTONGAN BEKALAN ELEKTRIK UNTUK PREMIS/KILANG HARAM (...sambungan)**

1. PBT perlu memaklumkan secara rasmi kepada TNB berhubung premis atau kilang yang beroperasi secara haram yang telah :

- Tidak diluluskan menurut atau melanggar peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976; atau
- Bertentangan dengan mana-mana undang-undang bertulis (nyatakan secara spesifik undang-undang yang berkaitan).


2. Setelah pihak PBT mengesahkan perlanggaran undang-undang:

- TNB akan mengeluarkan Notis Penamatan Kontrak tidak kurang dari 14/30/90 hari (bergantung kepada terma kontrak yang ditandatangani) kepada premis/kilang yang terlibat
- Pemotongan hanya akan dilaksanakan selepas tamat tempoh notis tersebut

3. Peruntukan undang-undang ini tidak terpakai ke atas premis yang telah menerima bekalan elektrik sebelum Januari 2016.

4. Pengecualian ke atas premis yang telah diberi bekalan tetapi tidak diduduki (premis kosong), pemotongan boleh dibuat pemotongan setelah Notis Pemotongan 7 hari bekerja diserahkan oleh TNB.

*Better. Brighter.*



Terima kasih





**GARIS PANDUAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN  
KILANG TANPA KEBENARAN DI NEGERI SELANGOR**

2021

**SEKSYEN PIHAK BERKUASA TEMPATAN  
UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI SELANGOR**

*Dikemaskini pada 9 September 2021*

## ISI KANDUNGAN

	<u>PERKARA</u>	<u>HALAMAN</u>
	Isi Kandungan	i
	Senarai Carta Alir	ii
	Senarai Jadual	ii
	Senarai Lampiran	iii
1.0	Pendahuluan	1
2.0	Objektif / Tujuan	1
3.0	Tafsiran	1
4.0	Rujukan Peruntukan Undang-Undang / Punca Kuasa	3
5.0	Tindakan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran	3
6.0	Tindakan Penguatkuasaan Oleh PDT	12
7.0	Tindakan Penguatkuasaan Oleh PBT	12
7.1	Proses Awal Penguatkuasaan Oleh PBT	12
7.2	Tatacara Penguatkuasaan Di Dalam Zon Industri (Kategori A)	14
7.2.1	A1 : Tiada Kebenaran Merancang	15
7.2.2	A2 : Tiada Pelan Bangunan	21
7.2.3	A3 : Tiada CF/CCC	25
7.3	Tatacara Penguatkuasaan Di Luar Zon Industri (Kategori B)	29
8.0	Penyelarasan Penguatkuasaan Oleh PBT	34
9.0	Penutup	34
	Lampiran	35-83

## SENARAI CARTA ALIR

## HALAMAN

1	Bidang Kuasa Penguatkuasaan KTK oleh PDT dan PBT	4
2	Proses Awal Penguatkuasaan oleh PBT	14
3	Penguatkuasaan PBT bagi Kategori A	14
4	A1 – Tiada Kebenaran Merancang	20
5	A2(1) – Tiada Pelan Bangunan (Pendakwaan)	22
6	A2(2) – Tiada Pelan Bangunan (Kompaun)	25
7	A3 – Tiada CF/CCC	28
8	Penguatkuasaan PBT bagi Kategori B	33

## SENARAI JADUAL

## HALAMAN

1	Proses Awal Penguatkuasaan oleh PBT	13
2	A1 – Tiada Kebenaran Merancang	15
3	A2(1) – Tiada Pelan Bangunan (Pendakwaan)	21
4	A2(2) – Tiada Pelan Bangunan (Kompaun)	23
5	A3 – Tiada CF/CCC	26
6	Penguatkuasaan PBT bagi Kategori B	29

	<u>SENARAI LAMPIRAN</u>	<u>HALAMAN</u>
1	Contoh Laporan Tapak / Siasatan Tapak / Pemeriksaan Tapak, Akta 172	34
2	Contoh Kertas Kerja Mesyuarat MJKOSC, Akta 172	41
3	Contoh Cabutan Minit Mesyuarat MJKOSC, Akta 172	48
4	Contoh Notis Pentadbiran Seksyen 26(1)(b), Akta 172	49
5	Contoh Laporan Pematuhan Notis, Akta 172	51
6	Contoh Kertas Siasatan (IP), Akta 172	53
7	Contoh Notis Pentadbiran Seksyen 19, Akta 172	58
8	Notis Kaedah Borang F, Akta 172	60
9	Notis Kaedah Borang H, Akta 172	61
10	Notis Kaedah Borang D, Akta 172	63
11	Contoh Tindakan Penguatkuasaan di bawah Seksyen 31, Akta 172	65
12	Contoh Kertas Kerja Mesyuarat MJTP, Akta 133	67
13	Contoh Laporan Tapak, Akta 133	69
14	Contoh Cabutan Minit Mesyuarat MJTP, Akta 133	71
15	Contoh Notis Seksyen 70(1), Akta 133	72
16	Contoh Kertas Siasatan (IP), Akta 133	73
17	Contoh Notis Seksyen 72(1)(c), Akta 133	75
18	Contoh Notis Tawaran Mengkompaun Suatu Kesalahan, Akta 133	76
19	Contoh Notis Seksyen 70(27), Akta 133	77
20	Contoh Notis Pentadbiran Seksyen 26(1)(a), Akta 172	79
21	Contoh Notis Pentadbiran Seksyen 18 dan Seksyen 19, Akta 172	81

## **1.0 PENDAHULUAN**

- 1.1. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 24/2019 pada 21 Ogos 2019 yang telah disahkan pada MMKN ke 25/2019 pada 28 Ogos 2019 telah meluluskan dasar baru bagi kilang-kilang yang beroperasi tanpa kebenaran iaitu Program Pematuhan Syarat Dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran Di Negeri Selangor berkuat kuasa 1 Oktober 2019 sehingga 30 September 2020.
- 1.2. MMKN ke 25/2020 bertarikh 8 Julai 2020 telah bersetuju untuk melanjutkan program ini sehingga 31 Disember 2020 berikutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) susulan pandemik wabak Covid-19.
- 1.3. Garis panduan ini dirangka dan disediakan dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan Negeri (PBT) Selangor khususnya Jabatan Undang-undang, Jabatan Perancang Bandar dan Jabatan Bangunan sebagai rujukan dan asas panduan bagi melaksanakan tindakan penguatkuasaan setelah tamatnya Program Pematuhan Syarat Dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran Di Negeri Selangor pada 31 Disember 2020.

## **2.0 OBJEKTIF / TUJUAN**

- 2.1 Menjelaskan tatacara dan proses tindakan penguatkuasaan ke atas kilang tanpa kebenaran (KTK) berdasarkan peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa.
- 2.2 Memastikan tindakan penguatkuasaan oleh anggota/ pegawai PBT mengikut prosedur dan peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa.
- 2.3 Memastikan penyelarasan tindakan penguatkuasaan dan notis-notis yang dikeluarkan yang dilaksanakan oleh PBT.

## **3.0 TAFSIRAN**

- 3.1 “Kilang tanpa kebenaran” (KTK) ertiannya kilang yang diusahakan tanpa kebenaran/kelulusan dari sudut perundangan yang berkuatkuasa di Negeri Selangor berdasarkan mana-mana atau salah satu kategori berikut:
  - 3.1.1 Kilang yang telah didirikan serta beroperasi sebelum 28 Ogos 2019;

- 3.1.2 Kilang yang tidak mempunyai syarat nyata tanah industri;
  - 3.1.3 Kilang yang tidak mempunyai kebenaran merancang (KM);
  - 3.1.4 Kilang yang tidak mempunyai pelan bangunan (PB);
  - 3.1.5 Kilang yang tidak mempunyai Sijil Perakuan Kelayakan atau *Certificate of Fitness (CF)*/ Sijil Perakuan Penyiapan dan Pematuhan Kelayakan Menduduki atau *Certificate of Completion and Compliance (CCC)*,
  - 3.1.6 Kilang yang tidak mempunyai lesen perniagaan/ pengoperasian sementara; atau
  - 3.1.7 KM terhad bagi program KTK adalah bermaksud hanya untuk tempoh 3 tahun dari tarikh kelulusan bagi permohonan yang dikemukakan sebelum/ pada 31 Disember 2021.
- 3.2 “Pihak Berkuasa Negeri” (PBN) ertinya Kerajaan Negeri Selangor.
  - 3.3 “Pejabat Daerah/ Tanah” (PDT) ertinya mana-mana Pejabat Daerah/ Tanah di Negeri Selangor.
  - 3.4 “Pihak Berkuasa Tempatan” (PBT) ertinya mana-mana Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah di dalam Negeri Selangor.
  - 3.5 “Pihak Berkuasa Melesen” (PBM) ertinya Datuk Bandar, Yang Dipertua, Setiausaha atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Datuk Bandar atau Yang Dipertua di PBT.
  - 3.6 “Surat/ notis” ertinya dokumen pemakluman atau kesalahan yang dikeluarkan oleh anggota/ pegawai PBT yang diberi kuasa berdasarkan peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa.
  - 3.7 “Tempoh notis” ertinya satu tempoh yang akan ditetapkan oleh PBT masing-masing.
  - 3.8 “Tempoh matang notis” ertinya satu tempoh yang ditetapkan oleh PBT telah tamat berdasarkan notis yang telah diserahkan kepada Orang Kena Notis (OKN).
  - 3.9 “Rayuan notis” merujuk kepada pertimbangan PBT masing-masing.


#### **4.0 RUJUKAN PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG/ PUNCA KUASA**

- 4.1 Kanun Tanah Negara.
- 4.2 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171].
- 4.3 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172].
- 4.4 Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 [Akta 133].
- 4.5 Kaedah-kaedah Pengawalan Perancangan (Am) (Selangor) (2001).
- 4.6 Manual Penyiasatan, Penguatkuasaan Dan Pendakwaan Di Bawah Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 [Akta 172] (Edisi Kedua - 2015).
- 4.7 Manual Pelaksanaan Penguatkuasaan Di Bawah Seksyen 31, Seksyen 45 dan Seksyen 46, Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 [Akta 172].
- 4.8 Undang-undang Kecil Bangunan Seragam Selangor 1986.
- 4.9 Rancangan Tempatan (PBT berkaitan).
- 4.10 Pekeliling-pekeliling, garis panduan dan arahan-arahan PBN, PDT dan PBT di Negeri Selangor yang berkuat kuasa.

#### **5.0 TINDAKAN PENGUATKUASAAN KILANG TANPA KEBENARAN**

- 5.1 Garis panduan ini menjelaskan tindakan penguatkuasaan ke atas KTK di bawah bidang kuasa PDT dan PBT berdasarkan pecahan berikut:
  - 5.1.1 PDT : Tanah Yang Belum Tukar Syarat kepada Industri.
  - 5.1.2 PBT : Dalam Zon Industri dan Luar Zon Industri.

## **Carta Alir 1 : Bidang Kuasa Penguatkuasaan KTK oleh PDT dan PBT.**



5.2 Tindakan penguatkuasaan akan diambil berdasarkan kepada peruntukan seperti berikut:

### **5.2.1 Kanun Tanah Negara**

### **5.2.2 Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 [Akta 172]**

**(a) Subseksyen 18(1): Penggunaan tanah dan bangunan**

Tiada seorang pun hendaklah menggunakan atau membenarkan digunakan mana-mana tanah atau bangunan melainkan menurut rancangan tempatan.

**(b) Subseksyen 19(1): Larangan terhadap pemajuan tanpa kebenaran merancang**

Tiada seorang pun, selain pihak berkuasa tempatan, boleh memulakan, mengusahakan, atau menjalankan apa-apa pemajuan melainkan jika kebenaran merancang berkenaan dengan pemajuan itu telah diberikan kepadanya di bawah seksyen 22 atau dilanjutkan di bawah subseksyen 24(3).

**(c) Perenggan 22(5)(a): Layanan terhadap permohonan**

Syarat-syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (3) bolehlah termasuk mana-mana atau kesemua syarat-syarat yang berikut, iaitu, syarat-syarat –

(a) Yang memberi kesan bahawa kebenaran merancang yang diberikan berkenaan dengan apa-apa perubahan mengenai penggunaan tanah atau bangunan adalah hanya untuk suatu tempoh yang terhad dan bahawa, selepas tamat tempoh itu, penggunaan tanah atau bangunan itu sebagaimana yang dibenarkan oleh kebenaran merancang itu hendaklah terhenti dan tanah atau bangunan itu hendaklah dikembalikan kepada kegunaan yang asal.

(d) **Subseksyen 26(1): Kesalahan yang berhubungan dengan pemajuan yang tidak dibenarkan**

Seseorang yang, sama ada atas kehendaknya sendiri atau atas kehendak orang lain –

(a) menggunakan atau membenarkan untuk digunakan mana-mana tanah atau bangunan yang berlanggaran dengan seksyen 18.

(b) memulakan, mengusahakan, atau menjalankan, atau membenarkan untuk dimulakan, diusahakan, atau dijalankan, apa-apa pemajuan yang berlanggaran seksyen 19 atau seksyen 20.

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya dan, berkenaan dengan suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya sehingga lima ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan yang pertama bagi kesalahan itu.

(e) **Subseksyen 27(2): Penguatkuasaan dalam hal pelanggaran seksyen 19**

Jika pihak berkuasa perancang tempatan berpuashati bahawa, sekiranya sesuatu permohonan untuk kebenaran merancang atau perlanjutan tempoh kebenaran merancang dengan pemajuan itu telah dibuat di bawah seksyen 22 atau subseksyen 24(3) sebelum pemajuan itu dimulakan, diusahakan, atau dijalankan, ia tertentu, pada menjalankan kuasanya dengan wajar di bawah seksyen itu, enggan memberi

kebenaran merancang untuk pemajuan itu, maka pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah –

(a) Jika pemajuan itu telah siap, menyampaikan kepada pemunya dan penduduk tanah itu suatu notis dalam bentuk yang ditetapkan menghendaki kedua-dua daripada mereka itu mematuhi, dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu atau dalam tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh pihak berkuasa perancang tempatan itu, kehendak yang hendaklah dinyatakan dalam notis itu, yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa perancang tempatan itu supaya tanah itu dipulihkan semula setakat yang mungkin seperti keadaannya sebelum pemajuan itu dimulakan.

(f) **Subseksyen 27(3): Penguatkuasaan dalam hal pelanggaran seksyen 19**

Jika pihak berkuasa perancang tempatan tidak puashati sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2), dia hendaklah menyampaikan kepada pemunya, penduduk, atau orang yang pada pendapat pihak berkuasa perancang tempatan itu adalah menjalankan pemajuan itu mengikut mana-mana yang berkenaan, suatu notis memberitahunya akan perlanggaran itu dan menghendaki dia memohon kebenaran merancang dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu atau dalam tempoh tambahan yang dibenarkan oleh pihak berkuasa perancang tempatan itu.

(g) **Subseksyen 27(8): Penguatkuasaan dalam hal pelanggaran seksyen 19**

Jika tiada permohonan dibuat di bawah subseksyen (3) dalam masa yang dibenarkan atau jika permohonan itu ditolak, pihak berkuasa perancang tempatan itu hendaklah menyampaikan kepada pemunya, penduduk, atau orang yang pada pendapat pihak berkuasa perancang tempatan itu, adalah menjalankan pemajuan itu, suatu notis dalam bentuk yang ditetapkan menghendaki mana-mana atau kesemua daripada mereka itu mematuhi, dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu atau dalam tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh pihak berkuasa perancang

tempatan, kehendak, yang hendaklah dinyatakan dalam notis itu, yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa perancang tempatan itu supaya tanah itu dipulihkan semula setakat yang mungkin seperti keadaannya sebelum pemajuan itu dimulakan.

(h) **Subseksyen 27(9): Penguatkuasaan dalam hal pelanggaran seksyen 19**

Tertakluk kepada subseksyen (10), mana-mana orang yang gagal mematuhi mana-mana kehendak suatu notis di bawah subseksyen (2) atau (8) dalam tempoh yang dibenarkan melakukan sesuatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi \*satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dan didenda selanjutnya sehingga lima ribu ringgit bagi setiap hari kegagalan itu berterusan selepas sabitan yang pertama bagi kesalahan itu.

(i) **Seksyen 31: Pelaksanaan oleh orang diberi kuasa**

(1) Jika apa-apa kehendak apa-apa notis yang disampaikan di bawah mana-mana peruntukan seksyen 27, 28, 29 dan 30, selain suatu kehendak supaya dihentikan apa-apa pemajuan atau aktiviti, tidak dipatuhi dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu atau dalam tempoh lanjutan yang mungkin telah dibenarkan oleh pihak berkuasa perancang tempatan masing-masing, seseorang yang diberi kuasa boleh, dengan atau tanpa pekerja, memasuki tanah yang berhubungan dengan notis itu dan mengambil sesuatu langkah yang perlu untuk melaksanakan notis itu, termasuk meroboh atau mengubah mana-mana bangunan atau kerja dan memindahkan apa-apa barang, kenderaan, atau benda dari mana-mana bangunan atau tanah itu.

(2) Pihak berkuasa perancang tempatan boleh meminta ketua polis daerah di kawasan pihak berkuasa perancang tempatan itu terletak menyediakan pegawai polis untuk memberi bantuan kepada orang diberi kuasa dalam mengambil apa-apa tindakan menurut kuasa subseksyen (1) dan menjadi kewajipan ketua polis

daerah itu mematuhi permintaan itu dan kewajipan pegawai polis yang disediakan bagi mematuhi permintaan itu memberi bantuan.

(3) Pihak berkuasa perancang tempatan boleh menuntut perbelanjaan dan kos yang dilakukannya dalam melaksanakan suatu notis di bawah subseksyen (1) dari pemunya tanah yang berhubungan dengan notis itu dengan cara seperti mana kadar yang dituntut di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan kerajaan tempatan.

- (j) **Notis Peringatan Seksyen 19:**  
Memberhentikan aktiviti dan operasi (aktiviti perindustrian) serta mengemukakan permohonan kebenaran merancang bagi pemajuan yang sedang dijalankan tanpa kebenaran merancang.
- (k) **Notis Peringatan Seksyen 18 dan Seksyen 19:**  
Memberhentikan aktiviti dan operasi (aktiviti perindustrian) serta memulihkan tanah kepada keadaan asal bagi pemajuan yang sedang dijalankan tanpa kebenaran merancang.
- (l) **Notis Kaedah Borang D:**  
Notis supaya memulihkan semula tanah kepada keadaan asal dalam hal pemajuan tanpa kebenaran merancang.
- (m) **Notis Kaedah Borang F:**  
Notis memanggil permohonan untuk kebenaran merancang dalam hal pemajuan tanpa kebenaran merancang.
- (n) **Notis Kaedah Borang H:**  
Notis supaya tanah dipulihkan semula kepada keadaan asal selepas kegagalan untuk memohon atau kegagalan untuk mendapatkan kebenaran merancang.

### 5.2.3 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133]

- (a) **Subseksyen 70(1):**

Tiada seorang pun boleh mendirikan sesuatu bangunan tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan.

(b) **Subseksyen 70(2):**

Mana-mana orang yang bercadang mendirikan sesuatu bangunan hendaklah mengemukakan

(a) kepada pihak berkuasa tempatan apa-apa pelan dan penentuan sebagaimana yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawah Akta ini; dan

(b) kepada pihak berkuasa berkanun yang berkaitan apa-apa pelan dan penentuan berkenaan dengan sistem pembentungan sebagaimana yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang bertulis lain.

(c) **Perenggan 70(13)(c):**

Mendirikan sesuatu bangunan bersalah dengan Akta ini atau dengan mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya; atau

(d) **Perenggan 70(13)(d):**

Tidak mematuhi sesuatu perintah atau arahan bertulis yang sah di sisi undang-undang daripada pihak berkuasa tempatan atau sesuatu had atau syarat yang dikenakan oleh pihak berkuasa tempatan kepada apa-apa ubahsuaian atau pengenepian apa-apa kehendak mana-mana undang-undang kecil.

(e) **Subseksyen 70(14):**

Dalam sesuatu hal di mana langkah-langkah pembicaraan tidak diambil terhadap seseorang yang telah melanggar seksyen kecil (13) dengan sebab tidak mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan orang itu hendaklah tatkala mengemukakan pelan dan penentuan kepada pihak berkuasa tempatan mengikut akta ini membayar kepada pihak berkuasa tempatan sejumlah wang yang tidak boleh kurang daripada lima kali ganda tetapi tidak lebih daripada dua puluh kali ganda bayaran yang ditetapkan mengikut sebagaimana yang ditetapkan

oleh pihak berkuasa negeri, dan jika sekiranya pelan dan penentuan dikemukakan tanpa bayaran itu, pihak berkuasa tempatan hendaklah enggan menerimanya.

- (f) **Subseksyen 70(23)(a):**  
Suatu notis bertulis, menghendaki pematuhan dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu, sebagaimana yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa tempatan, supaya ketidakpatuhan itu dibetulkan.
- (g) **Perenggan 70(23)(b):**  
Suatu arahan bertulis untuk menahan pengeluaran perakuan siap dan pematuhan sehingga ketidakpatuhan itu telah dibetulkan.
- (h) **Perenggan 70(27)(f):**  
Menduduki atau membenarkan untuk diduduki apa-apa bangunan atau apa-apa bahagiannya tanpa suatu perakuan siap dan pematuhan.
- (i) **Subseksyen 72(1):**  
Jika pihak berkuasa tempatan berpuashati bahawa suatu bangunan telah didirikan atau sedang didirikan atau hampir hendak didirikan bersalahan dengan seksyen 70 atau, jika bangunan itu telah didirikan sebelum mula berkuatkuasanya akta ini ia telah dirikan bersalahan dengan mana-mana undang-undang yang berkuatkuasa pada masa itu berhubung dengan bangunan dan kelulusan bangunan tidak diberi kemudiannya mengenainya di bawah mana-mana undang-undang, pihak berkuasa tempatan boleh menghendaki pemunya tanah itu melalui notis yang disampaikan kepadanya melakukan mana-mana satu atau lebih daripada perbuatan yang berikut:
- (a) Tidak memulakan atau meneruskan pendirian bangunan itu;
  - (b) Meruntuhkan bangunan itu dalam masa yang dinyatakan oleh pihak berkuasa tempatan;
  - (c) Mengambil langkah sebagaimana yang diperintahkan oleh pihak berkuasa tempatan.

(j) **Subseksyen 72(4):**

Mana-mana orang yang tidak mematuhi kehendak notis itu adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam notis itu.

(k) **Subseksyen 72(6):**

Jika bangunan itu hendak diruntuhkan oleh pihak berkuasa tempatan, pihak berkuasa tempatan hendaklah memberi sekurang-kurangnya tiga puluh hari notis kepada penduduk bangunan itu menghendaki mereka mengosongkan bangunan itu dan pihak berkuasa tempatan boleh selepas tamat tempoh itu memasuki bangunan itu dan memindahkan sesiapa jua atau apa-apa harta alih yang terdapat di dalamnya.

(l) **Seksyen 97: Kuasa untuk memasuki tanah bagi maksud akta ini.**

Sesuatu pihak berkuasa tempatan boleh, bagi maksud akta ini, melalui pegawai, pekerja, ejan atau kontraktornya, memasuki pada bila-bila masa yang berpatutan pada waktu siang mana-mana bangunan atau tanah dan juga bagi maksud membuat apa-apa pengukuran atau pemeriksaan serta juga bagi maksud melaksanakan apa-apa kerja yang dibenarkan oleh akta ini supaya dilaksanakan olehnya tanpa boleh diambil apa-apa tindakan di sisi undang-undang terhadapnya atau dikenakan apa-apa jua gangguan kepadanya oleh sebab kemasukannya itu atau oleh sebab apa-apa jua yang dilakukannya di mana-mana bahagian bangunan atau tanah itu menurut akta ini.

### 5.2.5 Undang-undang Kecil Bangunan Seragam Selangor, 1986 (UUKBS)

(a) **UUK 19 (2) Jadual Pertama Butiran 17, UUKBS**

Bagi semua hal jika kerja telah dimulakan sebelum pelan-pelan diluluskan atau suatu permit diperolehi, suatu fee yang sama dengan sepuluh kali ganda daripada yang ditetapkan dalam paragraf yang relevan terdahulu itu

boleh dikenakan. Pembayaran fee yang dinaikkan ini tidak akan mengecualikan seseorang daripada didakwa oleh pihak berkuasa tempatan jika ia memutuskan untuk berbuat demikian.

**5.2.5 Undang-undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-kesalahan) (PBT) Jalan, Parit dan Bangunan Pindaan 2013.**

**5.2.6 Pekeliling yang dikeluarkan oleh Jabatan/ Agensi di bawah Kerajaan Negeri Selangor yang berkuatkuasa.**

## **6.0 TINDAKAN PENGUATKUASAAN OLEH PDT**

- 6.1 Tindakan penguatkuasaan oleh PDT adalah berdasarkan arahan yang diselaraskan oleh Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor dari masa ke semasa termasuk melalui dokumen berikut:

*Arahan Pengarah Tanah Galian Selangor Bilangan 2/2021 – Prosedur Operasi Standard (SOP) Bagi Tindakan Penguatkuasaan Pelanggaran Syarat Tanah Di Bawah Seksyen 127 Hingga 129 Dan Pelucuthakan Di Bawah Seksyen 130 Kanun Tanah Negara (Akta 828)*

## **7.0 TINDAKAN PENGUATKUASAAN OLEH PBT**

### **7.1 PROSES AWAL PENGUATKUASAAN OLEH PBT**


- 7.1.1 PBT hendaklah mengemaskini maklumat KTK iaitu no. lot, salinan carian rasmi, status permohonan kebenaran merancang, pelan bangunan dan CF/CCC.
- 7.1.2 Berikut adalah proses awal sebelum melaksanakan tindakan penguatkuasaan seperti **Jadual 1**.

**Jadual 1 : Proses Awal Penguatkuasaan oleh PBT**

BIL.	PROSES KERJA
1	<b>Arahan Mula Tugas</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Tentukan lokasi / kawasan</li></ul>
